



**ALBUM RAYA...Dr Shariff (lima kiri) bergambar kenangan bersama pensyarah dan kakitangan.**

## 300 kakitangan UMS-KAL meriahkan Aidilfitri

UB 28/09/2011 B3

**LEBIH** 300 kakitangan dan pelajar memeriahkan sambutan rumah terbuka Aidilfitri Pengarah Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL), Prof Dr Shariff Abdul Kadir Omang, baru-baru ini.

Majlis yang diadakan di kediaman beliau bersama isteri, Wan Azmona Wan Mohamed, di Jalan Ismail berhampiran Masjid Jamek An Nur dari pukul 10 pagi hingga 5 petang dikunjungi pemimpin masyarakat, ketua jabatan kerajaan dan swasta.

Antara yang hadir Ahli Dewan Negara, Senator Datuk Yunus Kurus, Pengarah Jabatan Penerangan, Mohd Taib Ubah, Timbalan Pendaftar UMS-KAL, Kamisah Husin, pegawai kanan, pensyarah dan Exco Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMS-KAL, guru dan



**TAHNIAH...Dr Shariff (dua kanan) dan Wan Azmona (tiga kanan) menerima hamper daripada Kamisah sambil diperhatikan pensyarah dan pegawai UMS-KAL.**

pelajar SMK Pantai dan SK Pantai.

Tetamu disajikan dengan pelbagai juadah termasuk soto, sate, nasi minyak dan

kuih-muih.

Shariff berkata, majlis itu diadakan untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara beliau

dan pemimpin masyarakat, ketua jabatan kerajaan dan swasta, pegawai, kakitangan dan pelajar UMS-KAL.